



■ **ISTERI** Perdana Menteri, Datin Suhaila berwasalam dengan anak kedua Datuk P. Pathmanaban, Prashanth, 8 tahun, sambil diperhalikan oleh Datuk Hussein Onn (kiri) dan Datuk Pathmanaban serta isteri ketika Datuk Hussein dan Datin Suhaila mengunjungi rumah mereka mengucapkan selamat Deepavali di Kuala Lumpur semalam. — Gambar Berita Harian.



■ **TIMBALAN** Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menandatangani autograf anak-anak ketika mengunjungi rumah Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk P. Pathmanaban untuk mengucapkan selamat Deepavali di Kuala Lumpur semalam. — Gambar Berita Harian.

KUALA LUMPUR, Khamis — Rakyat Malaysia beragama Hindu seluruh negara hari ini merayakan Hari Deepavali.

Mereka mengadakan rumah terbuka meraikan rakan-kawan dari berbagai kaum serta menghadirkan berbagai jaudah dan minuman bagi mengeratkan hubungan kaum di negara ini.

Kunjung mengunjungi ini menjadi amalan dari rakyat hingga pemimpin di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Datin Suhaila mengunjungi rakan kabinetnya, Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Datuk S. Samy Vellu yang juga Pemangku Presiden MIC, di sini pagi tadi.

Datuk Hussein dan Datin Suhailah memotong kek Hari Deepavali dan mengucapkan selamat sejahtera kepada Datuk Samy Vellu dan isteri.

Menteri2

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Haamah, Menteri-menteri Kabinet lain serta ketua-ketua perwakilan asing dan Ahli-ahli Parlimen.

Datuk Hussein dan Datin Suhailah kemudian mengunjungi Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk K. Pathmanaban, Presiden Ketua Wanita MIC, Puan Sri Janaki Athi Nohapan dan rumah Naib Presiden MIC, Senator S. Subramaniam.

Antara Menteri Kabinet yang mengunjungi Datuk Pathmanaban ialah Menteri Perumahan Awam, Datin Paduka Pafidah Aziz dan Menteri Tak Berportofolio, Datuk Haji

Deepavali meriah dgn ziarah dan jaudah

Mohamad Nasir.

Datuk Hussein dalam perutusan Hari Deepavali semalam menegaskan perayaan sesuatu hari kebesaran adalah besar maknanya kepada rakyat di seluruh negara.

Katanya, ia bukan sahaja setakat bersuka ria tetapi merupakan tali pegerat hubungan dan semangat persahabatan serta perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Datuk Hussein berkata, ini adalah kerana masyarakat Malaysia yang bukan beragama Hindu juga turut memeriahkan Hari Deepavali.

Datuk Samy Vellu pula berkata dalam perutusannya, beliau selaku pemimpin MIC akan terus memperjuangkan masa depan kaum India di negara ini dari segi ekonomi dan sosial.

Cabaran

Katanya, MIC akan terus menghadapi cabaran 80an yang dialami oleh kaum India hingga impiannya selama ini menjadi kenyataan.

Beliau menyatakan cadangan yang dibuat oleh seminar ekonomi kedua Julai lalu sedang

dikaji sedalam-dalamnya oleh Kerajaan dan akan melaksanakan cadangan itu dengan sedaya upaya.

Datuk Samy Vellu berharap jurang perbezaan kaum akan dapat dirapatkan dengan kaum-kaum lain di negara ini.

Sementara itu, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Encik Abdullah Haji Ahmad menyampaikan bungkusan hadiah kepada pesakit di Hospital Besar di sini.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia